MOHD SUHAIZAL MAT SULAIMAN lwn. PP A

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
MOHD YAZID MUSTAFA H
[RAYUAN JENAYAH NO: BA-41S-4-02-2021]
7 JUN 2022 B

Abstrak – *Keterangan lisan tidak boleh mengubah apa-apa keterangan dokumen seperti yang diperuntukkan oleh ss. 91 dan 92 Akta Keterangan 1950. Walau bagaimanapun, apabila elemen-elemen pertuduhan, dalam kes ini pertuduhan bawah s. 420 Kanun Keseksaan, wujud sebelum pemeteraian perjanjian, tertuduh akan disabitkan atas pertuduhan itu.* C

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan – Seksyen 420 – Penipuan wang – Elemen-elemen kesalahan – Sama ada dibuktikan – Sama ada elemen-elemen kesalahan wujud sebelum perjanjian ditandatangani – Sama ada perjanjian bersifat camouflage – Sama ada tindakan sivil dan pemulangan sebahagian wang mematahkan elemen-elemen pertuduhan bawah s. 420* D

Perayu, seorang pegawai tentera berpangkat Mejar dan pegawai Staf 2 Senggaraan, bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja senggaraan di Pusat Latihan Tempur Tentera Darat ('Pulada'). Susulan satu rundingan antara perayu dan pengadu ('SP1') untuk menjalankan projek kerja senggaraan di Pulada, SP1 menyerahkan sejumlah wang RM220,000 kepada perayu dan perayu menyerahkan surat tawaran projek kerja tersebut. Perayu juga telah menandatangani satu surat perjanjian ('eksh. P3'), sebagai bukti penyerahan wang oleh SP1. Walau bagaimanapun, projek itu tidak dapat dijalankan kerana tiada maklum balas daripada perayu. SP1, yang merasakan ditipu perayu, membuat laporan polis. Perayu dituduh melakukan penipuan atas SP1, satu kesalahan yang boleh dihukum bawah s. 420 Kanun Keseksaan ('KK'). Di akhir perbicaraan di Mahkamah Majistret, perayu didapati bersalah dan disabitkan atas kesalahan tersebut dan dijatuhkan hukuman tiga tahun dari tarikh hukuman dan tiga sebatan rotan. Tidak berpuas hati, perayu merayu ke Mahkamah Tinggi. Isu yang perlu diputuskan Hakim Mahkamah Tinggi adalah sama ada kewujudan eksh. P3 mematahkan inti pati penting elemen-elemen pertuduhan. E F G H

Diputuskan (menolak rayuan):

(1) Berikutan ss. 91 dan 92 Akta Keterangan 1950, mana-mana keterangan lisan tidak boleh mengubah kandungan perjanjian. Berdasarkan keterangan saksi-saksi pendakwaan dan ekshibit-ekshibit yang dikemukakan, ketiga-tiga elemen pertuduhan wujud sebelum SP1 dan perayu menandatangani P3. P3 adalah satu 'camouflage'. Tindakan sivil oleh SP1 terhadap perayu dan bayaran balik wang sejumlah RM150,000 I

A oleh perayu kepada ahli keluarga SP1 tidak dapat mematahkan elemen-elemen pertuduhan bawah s. 420 KK yang wujud sebelum perjanjian tersebut. Berdasarkan lambakan keterangan yang dikemukakan pihak pendakwaan untuk mengaitkan perayu dengan pertuduhan bawah s. 420 KK, sabitan didapati selamat. (perenggan 53 & 54)

B **Kes-kes yang dirujuk:**
He-Con Sdn Bhd v. Bulyah Ishak & Anor And Another Appeal [2020] 7 CLJ 271 FC ***(dirujuk)***
Mohd Jalani Saliman & Anor v. PP [1998] 1 CLJ 123 HC ***(dirujuk)***
Sawarn Singh Mehar Singh v. PP [2013] 1 LNS 35 HC ***(dirujuk)***

C **Perundangan yang dirujuk:**
Evidence Act 1950, ss. 91, 92
Penal Code, ss. 24, 25, 415, 420

Bagi pihak perayu - Abdul Rashid Tasin & Wan Shahrizal Wan Ladin; T/n Rashid Tasin & Co
D *Bagi pihak pendakwaan - Wan Arif Muzammil Wan Mohamed; TPR*

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Mohd Yazid Mustafa H:

E **[1]** Mohd Suhaizal bin Mat Sulaiman (selepas ini dirujuk sebagai perayu) telah dituduh atas kesalahan melakukan penipuan ke atas Ahmad Khairi bin Hashim (pengadu SP1) yang boleh dihukum di bawah s. 420 Kanun Keseksaan, yang mana pertuduhannya adalah seperti berikut:

F Bahawa kamu pada 30.12.2015 jam lebih kurang 6.51 petang di stesen minyak Shell Jenjarom di alamat Lot 5052, Kg Sg Rambai 42600 Jenjarom di dalam daerah Kuala Langat di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan didapati telah menipu Ahmad Khairi bin Hasim (No KP 610409-10-5325) dengan memperdayakan beliau supaya mempercayai kamu bahawa kamu boleh mendapatkan dua (2) tender iaitu kerja senggaraan Sivil, Mekanikal
G dan Elektrik lapang sasar Pusat Latihan Tempur Tentera Darat (PULADA) dan kerja senggaraan Sivil, Mekanikal dan Elektrik Fasalitas Intra Latihan, RKAT Desa Pulada dan Infra Mekanikal Pusat Latihan Tempur Tentera Darat (PULADA) kamu dengan curangnya mendorong beliau untuk menyerahkan wang sebanyak RM220,000.00 secara tunai kepada kamu, yang mana beliau tidak akan menyerahkan wang tersebut
H sekiranya tidak diperdayakan sedemikian oleh kamu dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

[2] Di penghujung perbicaraan, Tuan Majistret telah mendapati perayu bersalah dan disabitkan ke atas kesalahan sebagaimana pertuduhan. Perayu
I kemudiannya dijatuhkan hukuman penjara tiga tahun dari tarikh jatuh hukum dan tiga sebatan rotan.

[3] Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, perayu telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Tinggi merayu ke atas keseluruhan keputusan Tuan Majistret.

[4] Setelah meneliti rekod rayuan, hujahan lisan dan bertulis pihak-pihak, rayuan perayu ditolak. Sabitan dan hukuman yang dijatuhkan oleh Tuan Majistret ke atas perayu selama tiga tahun penjara dan tiga sebatan rotan dikekalkan.

[5] Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, perayu seterusnya telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan merayu ke atas keseluruhan keputusan.

Fakta Kes

[6] Pada 15 November 2015, Encik Ahmad Khairi bin Husin (SP1) bersama anaknya iaitu Encik Ahmad Jumeli bin Ahmad Khairi (SP2), rakan pengadu Encik Yusmanizam bin Yusof (SP9) telah pergi ke Kota Tinggi untuk melawat "satu projek Kejora", iaitu projek yang dikendalikan oleh SP9. Selepas melawat projek Kejora tersebut, kesemua mereka telah pergi makan tengah hari di salah sebuah restoran di Kota Tinggi. Sewaktu makan tengah hari, SP1 telah diperkenalkan kepada perayu oleh SP9. Dalam pertemuan itu, perayu ada menceritakan kepada SP1 bahawa adanya projek di Pusat Latihan Tempur Tentera Darat (Pulada) dan ianya adalah dari bajet tahun lepas yang belum digunakan.

[7] Pada ketika itu, perayu adalah seorang pegawai tentera berpangkat Mejar dan merupakan seorang pegawai Staf 2 senggaraan "PS2 Senggaraan" iaitu pegawai yang bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja senggaraan di Pulada.

[8] Pertemuan tersebut turut dihadiri oleh Sarjan Augustine anak Libau (SP5) yang merupakan anggota bawahan perayu.

[9] Selepas makan tengah hari, perayu telah mempelawa dan membawa SP1 bersama SP2, SP9 dan seorang lagi anak SP1 ke pejabat perayu di Pulada yang terletak di Ulu Tiram, Johor untuk berbincang berkenaan projek kerja senggaraan tersebut.

[10] Setelah perbincangan selesai, SP1 dibawa melawat beberapa tapak di dalam Pulada dan juga diberikan taklimat secara umum bagi menunjukkan wujudnya projek kerja senggaraan dan baik pulih yang akan dilaksanakan.

[11] Selepas lawatan dan taklimat tersebut, perayu memberitahu kepada SP1 sekiranya SP1 berminat dalam projek kerja senggaraan di Pulada, SP1 mestilah menyerahkan "cash advance" sejumlah RM250,000 kepada perayu. Hasil rundingan jumlah jumlah bayaran cash advance tersebut dikurangkan kepada RM220,000. SP1 dalam keterangannya di mahkamah menyatakan beliau bersetuju membuat bayaran cash advance tersebut dengan syarat perayu dapat mengemukakan surat tawaran bagi memastikan projek tersebut benar-benar wujud.

[12] Pada 30 Disember 2015, perayu menghubungi SP1 memaklumkan bahawa surat tawaran untuk kerja-kerja penyelenggaraan tersebut telah siap dan akan menyerahkannya kepada SP1. Pihak-pihak bersetuju untuk mengadakan perjumpaan di stesen minyak Shell di Jenjarom, Kuala Langat milik SP1.

[13] Pada 30 Disember 2015, perayu telah pergi ke stesen minyak milik SP1 bersama dengan SP9 dan SP5. Di pejabat SP1, perayu telah menyerahkan surat tawaran projek kerja sebagaimana eksh. P1 dan P2 kepada SP1. Berasaskan surat tawaran projek kerja-kerja tersebut, pihak SP1 dibenarkan melaksanakan kerja-kerja senggaraan tersebut bermula Februari 2016 sehingga Ogos 2016.

[14] Sebelum SP1 menyerahkan wang RM220,000 kepada perayu, SP1 meminta perayu menandatangani surat perjanjian iaitu eksh. P3 sebagai bukti penyerahan wang dan juga bagi tujuan melindungi pihak-pihak sekiranya ditahan oleh pihak berkuasa kerana memiliki wang tunai yang banyak. Perayu tandatangan di ruangan "peminjam". Manakala SP1 tandatangan di ruangan "pemberi pinjam". Perjanjian ini telah disaksikan oleh SP9. Perayu memaklumkan kepada SP1 bahawa beliau akan menghubungi SP1 semula pada bulan Mac atau April 2016 untuk tindakan selanjutnya.

[15] SP1 dalam keterangannya juga menyatakan bahawa beliau ada menerima lampiran anggaran kos kerja (sepertimana eksh. P4) beberapa minggu selepas SP1 menyerahkan wang RM220,000 kepada perayu.

[16] SP1 seterusnya menyatakan selepas membuat bayaran tersebut kepada perayu, SP1 telah beberapa kali melawat perayu di Johor Bahru untuk berbincang lanjut berkenaan pelaksanaan projek-projek tersebut. Perayu telah memberi pelbagai alasan yang mana pada pandangan SP1 ianya merupakan alasan yang tidak munasabah kenapa projek penyelenggaraan tersebut tidak dapat dilaksanakan sebagaimana yang dinyatakan dalam surat tawaran.

[17] SP1 seterusnya menyatakan sehingga 15 Februari 2017, SP1 tidak dapat menjalankan projek kerja-kerja senggaraan tersebut kerana tidak ada maklum balas dari perayu. Ekoran itu, SP1 mendapati/merasa dirinya telah ditipu oleh perayu. SP1 kemudiannya membuat laporan polis (sebagaimana eksh. P6).

Dapatan Tuan Majistret Di Akhir Kes Pendakwaan

[18] Berasaskan fakta-fakta di atas, Tuan Majistret mendapati bahawa ketiga-tiga elemen penting pertuduhan iaitu, elemen pertama, perayu telah menipu dan dengan tidak jujur memperdayakan SP1, elemen kedua, iaitu akibat penipuan tersebut SP1 telah menyerahkan wang sejumlah RM220,000 secara tunai kepada perayu, dan elemen ketiga perayu melakukan sedemikian dengan niat memperdayakan SP1 dengan curang dan fraud telah dibuktikan.

Kes Pembelaan Dan Dapatan Majistret Di Akhir Kes Pembelaan

[19] Tuan Majistret telah memerintahkan perayu untuk membela diri. Semasa membela diri, perayu telah memilih untuk memberikan keterangan secara bersumpah dari kandang saksi.

[20] Perayu dalam keterangannya tidak menafikan bahawa beliau telah mengeluarkan surat tawaran projek kerja-kerja penyelenggaraan di Pulada iaitu eksh. P1 dan P2. Beliau menyatakan setiap pegawai berpangkat Mejar boleh mengeluarkan surat tawaran projek kerja-kerja penyelenggaraan tersebut sebagai mewakili Komanden.

[21] Perayu dalam keterangannya mengakui bahawa beliau telah menerima wang tunai berjumlah RM220,000 dari SP1 bagi projek kerja-kerja penyelenggaraan tersebut. Perayu menyatakan beliau mengeluarkan surat tawaran P1 dan P2 atas dasar kepercayaan bahawa beliau diberi kuasa oleh Komanden untuk melantik kontraktor bagi melaksanakan kerja-kerja selenggaraan yang tidak melebihi RM50,000. Perayu juga menyatakan beliau telah memaklumkan prosedur ini kepada SP1 dan telah meminta SP1 menyediakan empat atau lima syarikat untuk melaksanakan kerja-kerja selenggaraan tersebut bagi memenuhi syarat kerja setiap penyelenggaraan tidak melebihi RM50,000. Perayu juga menyatakan wang sumbangan yang diterima RM220,000 daripada SP1 sebahagiannya sebanyak RM50,000 telah diberikan kepada SP9 sejurus selepas perayu menerimanya di stesen minyak Shell milik SP1.

[22] Perayu juga menyatakan bahawa kerja-kerja penyelenggaraan tersebut sememangnya wujud dan ianya perlu disegerakan memandangkan terdapat kemudahan fasiliti di Pulada yang telah usang serta memerlukan pembaikian segera selepas taklimat lawatan Panglima Tentera Darat di Pulada.

[23] Perayu seterusnya menyatakan adalah menjadi amalan dan polisi Pulada ketika itu untuk menerima sumbangan dari kontraktor bagi melaksanakan kerja penyelenggaraan kecemasan tersebut.

[24] Perayu juga telah memanggil dua orang saksi pembelaan iaitu Mejar Lee Fad-Ley (SD2) dan Mejar Zarizal bin Ibrahim (SD3). Kedua-dua saksi ini mengesahkan kesahihan surat tawaran P1 dan P2 dan kewujudan projek penyelenggaraan tersebut.

[25] Tuan Majistret mendapati pembelaan yang ditimbulkan oleh perayu hanyalah suatu pembelaan yang bersifat afterthought dan juga bersifat penafian semata-mata. Pembelaan perayu tidak dapat mematahkan kes pendakwaan yang kukuh dan gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan. Tuan Majistret mendapati pihak pembelaan gagal membangkitkan keraguan munasabah dan juga mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan keseluruhan kes terhadap OKT tanpa sebarang keraguan yang munasabah.

[26] Tuan Majistret kemudiannya mendapati perayu bersalah dan disabitkan sebagaimana pertuduhan di bawah s. 420 Kanun Keseksaan. Perayu kemudiannya dijatuhkan hukuman penjara tiga tahun dari tarikh keputusan dan tiga sebatan.

Analisis Dan Dapatan Mahkamah

[27] Peguam perayu menghujahkan isu tunggal yang perlu diputuskan dalam kes ini sama ada kewujudan eksh. P3 mematahkan inti pati penting elemen-elemen pertuduhan.

[28] Bagi pertuduhan menipu, elemen-elemen yang perlu diputuskan oleh pihak pendakwaan adalah seperti berikut:

(i) perayu secara tidak jujur telah menipu dan memperdayakan SP1;

(ii) akibat ditipu dan diperdayakan oleh perayu, SP1 telah menyerahkan wang RM220,000 secara tunai kepada perayu; dan

(iii) perayu melakukan penipuan dan memperdayakan SP1 secara tidak jujur dan fraud.

[29] Seksyen 415 Kanun Keseksaan mentakrifkan penipuan sebagaimana berikut:

> Barang siapa dengan memperdayakan mana-mana orang, sama ada atau tidak perdayaan tersebut ialah dorongan tunggal atau utama:
>
> (a) Secara fraud atau secara tidak jujur mendorong orang yang diperdayakan demikian untuk menghantar apa-apa harta kepada mana-mana orang, atau bersetuju bahawa mana-mana orang boleh menyimpan apa-apa harta; atau
>
> (b) Dengan sengaja mendorong orang yang diperdayakan demikian membuat atau meninggalkan untuk membuat apa-apa yang mana orang itu tidak akan buat atau meninggalkan untuk dibuat jika dia tidak diperdayakan semikian dan tindakan atau peninggalan yang mana menyebabkan atau mungkin menyebabkan kerosakan atau mudarat kepada badan, ingatan, reputasi atau harta mana-mana orang.
>
> Adalah dikatakan "menipu"
>
> Huraian 1 – Menyembunyikan nyataan-nyataan secara tidak jujur adalah suatu perdayaan dalam erti seksyen ini.

[30] Di dalam kes *Sawarn Singh Mehar Singh v. PP* [2013] 1 LNS 35 mahkamah memutuskan elemen-elemen yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan bagi pertuduhan di bawah s. 420 Kanun Keseksaan adalah seperti berikut:

[13] in establishing a case for cheating under s. 420 against the Appellant, the Respondent must prove that there was a delivery of property to the Appellant; the Appellant induced SP2 to deliver that property to him.; SP2 acted upon inducement in consequence of the Appellant's *deceit*; the Appellant acted dishonestly in so inducing SP2 to part with the property; and SP2 suffered damage or harm as a result of deceit (see *Loh Liang Gun v. PP* [2007] 4 CLJ 467; [2007] 5 MLJ 159).

[31] Dalam kes *Mohd Jalani Saliman & Anor v. PP* [1998] 1 CLJ 123, Hakim Abdul Malik Ishak menjelaskan maksud diperdayakan seperti berikut:

There must be deception. That deception must be caused by the accused to generate inducement in the mind of the victim. Deception may be by words or conduct. What is sufficient to constitute deception is dependent on the facts of each case. Deception has an element of misleading. It is inducing a person to believe true something which is false.

[32] Seksyen 24 Kanun Keseksaan mendefinisikan maksud secara tidak jujur sebagaimana berikut:

Sesiapa yang membuat apa-apa dengan tujuan menyebabkan keuntungan salah kepada seseorang atau kehilangan salah kepada seseorang lain tidak kira sam ada perbuatan itu menyebabkan kehilangan salah atau keuntungan salah sebenar, adalah dikatakan membuat perkara itu "secara tidak jujur".

[33] Seksyen 25 Kanun Keseksaan mendefinisikan maksud secara fraud sebagaimana berikut:

Seseorang adalah dikatakan melakukan sesuatu perkara secara fraud jika dia melakukan perkara itu dengan niat hendak menipu, tetapi tidak dengan niat yang lain.

[34] Berbalik kepada isu tunggal dalam kes ini, peguambela menghujahkan perjanjian tersebut telah diterima oleh mahkamah dan ditandakan sebagai P3.

[35] Peguambela seterusnya menghujahkan kandungan perjanjian tersebut tidak mempunyai kaitan dengan subject matter lain melainkan berkenaan pinjaman yang diberikan dan berkenaan pembayaran balik pinjaman tersebut.

[36] Peguambela seterusnya menghujahkan Tuan Majistret telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila menerima keterangan dan memberi keberatan kepada keterangan saksi-saksi pendakwaan yang mengaitkan perjanjian tersebut adalah sebagai "camouflage" kepada pembayaran bagi mendapakan kontrak tersebut, kerana keterangan-keterangan lisan tidak dapat mengatasi keterangan bertulis.

[37] Peguambela seterusnya menghujahkan berasaskan peruntukan ss. 91 dan 92 Akta Keterangan 1950, Tuan Majistret telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila menerima keterangan saksi-saksi

pendakwaan tersebut untuk mengubahkan kandungan perjanjian pinjaman tersebut (P3) dengan merujuk kepada kes *He-Con Sdn Bhd v. Bulyah Ishak & Anor And Another Appeal* [2020] 7 CLJ 271, yang telah memutuskan:

> (3) Section 91 of the Evidence Act 1950 ought to be invoked against the first defendant, in that, no parol evidence should be permitted to contradict what had been reduced by both parties into writing in P2. The document could only be interpreted from considering what are contained within the four walls of the document. P2 was made pursuant to D25, the directors' circular resolution of the first defendant, dated the same as P2 and therefore, their contemporaneity could not be denied. The lower courts were correct in invoking adverse inference against the first defendant for its failure to call its two directors to testify on its behalf to rebut the contents of P2. (paras 12 & 73)

[38] Peguambela seterusnya menghujahkan ianya lebih mudarat kerana terdapatnya keterangan yang menunjukkan mangsa (SP1) telah menerima sebahagian besar pembayaran balik pinjaman RM220,000.

[39] Peguambela seterusnya menghujahkan juga terdapatnya keterangan yang menunjukkan mangsa (SP1) menggunakan laporan polis sebagai alat untuk menekankan pembayaran balik dari perayu.

[40] Peguambela seterusnya menghujahkan ekoran itu tidak wujudnya kedapatan salah pada perayu dan kehilangan salah oleh SP1 kerana pembayaran yang dibuat oleh perayu dan jumlah bayaran tersebut dibuat adalah berdasarkan terma-terma perjanjian pinjaman iaitu eksh. P3.

[41] Peguambela seterusnya menghujahkan telah berlaku kekhilafan fakta dan undang-undang apabila Tuan Majistret memutuskan kesemua elemen-elemen pertuduhan telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

[42] Saya mendapati undang-undang adalah mantap berasaskan ss. 91 dan 92 Akta Keterangan 1950, mana-mana keterangan lisan tidak boleh mengubah keterangan dokumen.

[43] Isi kandungan P3 adalah seperti berikut:

> Tarikh: 30.12.2015
>
> Di sini saya,
>
> **Mohd Suhaizal bin Mat Sulaiman**
> No Kad Pengenalan (781028-02-6099)
> Beralamat: Markas Tentera Darat Cawangan Sumber Manusia Kementah
> Jalan Padang Tembak
> 50634 Kuala Lumpur, W. Persekutuan
>
> Memberi pengakuan bahawa saya pada hari ini, 30hb Disember 2015 ada membuat pinjaman peribadi sebanyak RM220,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Dua Puluh Ribu Sahaja) dari

Ahmad Khairi bin Hashim
No Kad Pengenalan: (610409-10-5325)
Beralamat: Lot 5052 Kg, Sg. Rambai,
42600 Kuala Langar, Selangor

Saya juga bersetuju dan mengakui akan menjelaskan pinjaman peribadi tersebut sepenuhnya pada atau sebelum 31.10.2016. Saya sedar dan akui bahawa tindakan undang-undang akan diambil ke atas saya jika saya tidak menjelaskan pinjaman peribadi saya sebanyak RM220,000.00 tersebut pada atau sebelum 31.10.2016.

Saya membuat akujanji di atas tanpa paksaan dan secara sukarela.

Yang Benar,
Peminjam
Mohd Suhaizal bin Mat Sulaiman
781028-02-6099
... (30/12/15)

Disaksikan Oleh;
Yusmanizam bin Yusof
740302-02-6307
...

Pemberi pinjam,
Ahmad Khairi bin Hashim
610409-10-5325
...

[44] Bagi menentukan sama ada P3 boleh mematahkan inti pati penting dalam kes ini sebagaimana yang dihujahkan oleh peguambela, ianya wajar di peringkat ini untuk meneliti keterangan-keterangan relevan berkaitan P3 daripada saksi-saksi pendakwaan.

[45] SP1 dalam keterangannya menyatakan beliau menyediakan IOU (eksh. P3) disebabkan perayu berhutang dengannya. Melalui IOU ini, perayu mengaku dia berhutang dengan SP1 sebanyak RM220,000 dan perlu diselesaikan sehingga 31 Oktober 2016. Sekiranya perayu gagal menjelaskannya, SP1 akan menyaman perayu di dalam Mahkamah Sivil. (Rujuk MS 10 nota keterangan).

[46] SP1 seterusnya menyatakan berasaskan eksh. P3 perayu membuat pengakuan yang beliau ada membuat pinjaman peribadi dari SP1 sebanyak RM220,000 dan ianya perlu diselesaikan pada 31 Oktober 2016. (Rujuk MS 13 nota keterangan).

[47] SP1 seterusnya menyatakan beliau hanya membuat laporan polis pada 5 Disember 2017 kerana beliau tidak boleh membuat apa-apa sehingga 31 Oktober 2016 berdasarkan IOU itu. (Rujuk MS 15 nota keterangan).

[48] SP1 seterusnya menyatakan:

A bagi tujuan kepentingan bersama, beliau melaksanakan satu IOU dengan OKT yang mana OKT meminjam wang RM200,000.00 jika OKT gagal bayar, SP1 akan meneruskan dengan tindakan Sivil. SP1 juga telah mengambil tindakan Sivil terhadap OKT dan memperoleh Penghakiman. Jelas SP1, beliau mahu mengambil tindakan bankrupsi tetapi masih menunggu OKT untuk membuat bayaran kepadanya.

B (Rujuk MS 16 nota keterangan).

[49] Dalam pemeriksaan balas, SP1 menyatakan duit RM250,000 yang diminta oleh perayu adalah untuk diberikan kepada Komandan-Komandannya. (Rujuk MS 32 hingga 34 nota keterangan).

C **[50]** SP1 seterusnya menyatakan:

beliau menyediakan IOU setelah berbincang dengan kawannya, yang merupakan seorang Peguam. Kawannya menasihatkan beliau untuk kepentingan kedua pihak, SP1 perlu menyediakan IOU. Kawannya juga menyatakan oleh kerana OKT adalah seorang pegawai kerajaan, jika D didapati bersama dengan wang tunai nanti, OKT akan mendapat masalah dan kerana itu, SP1 dapat mengeluarkan IOU yang menyatakan OKT memimjam untuk melepaskan OKT. Pada masa yang sama, SP1 juga berpendapat, jika OKT tidak bayar, beliau boleh bawa IOU itu ke Mahkamah. SP1 juga menyatakan, to protect OKT, sekiranya OKT ditangkap dengan roadblock dan dijumpai wang RM220,000.00 dalam E seluarnya, akan menyebabkan OKT menghadapi masalah. Kerana itu, IOU disediakan dan sekiranya tidak menepati janjinya, SP1 boleh bawa P3 ini ke Mahkamah. SP1 menganggap P3 mengikat pihak-pihak. SP1 bersetuju dengan cadangan Peguam dari segi Undang-Undang, P3 adalah enforceable, binding dan boleh digunakan.

F (Rujuk MS 47 dan 48 nota keterangan).

[51] Pegawai penyiasat (SP7) menyatakan perayu telah membayar balik RM150,000 kepada SP1. (Rujuk MS 192 nota keterangan).

[52] SP9 bersetuju dengan cadangan peguambela bahawa beliau tahu G tentang adanya perjanjian pinjaman (P3) antara SP1 dengan perayu. SP9 seterusnya bersetuju dengan cadangan peguam bahawa P3 tersebut adalah camouflage sahaja ke atas wang yang diberikan kepada perayu.

[53] Berasaskan kepada keterangan di atas, saya menolak hujahan peguambela perayu bahawa dengan kewujudan eks. P3 ianya dapat H mematahkan inti pati-inti pati penting pertuduhan ke atas perayu berasaskan alasan-alasan berikut:

(i) Undang-undang adalah mantap berasaskan ss. 91 dan 92 Akta Keterangan 1950, keterangan lisan tidak boleh mengubah kandungan sesuatu perjanjian.

I

(ii) Berbalik kepada kes ini, berasaskan keterangan saksi-saksi pendakwaan dan ekshibit-ekshibit yang dikemukakan, saya mendapati ketiga-tiga elemen pertuduhan telah wujud sebelum SP1 dan perayu menandatangani P3.

(iii) Saya menerima keterangan dan justifikasi SP1 kenapa beliau menyediakan P3. Oleh itu, tidak berlaku kekhilafan fakta dan undang-undang apabila Tuan Majistert memutuskan bahawa perjanjian pinjaman P3 tersebut adalah satu camouflage.

(iv) Walaupun wujudnya tindakan sivil yang diambil oleh SP1 ke atas perayu dan terdapatnya bayaran balik sebanyak RM150,000 dibuat oleh perayu kepada ahli keluarga SP1 ianya tidak dapat mematahkan elemen-elemen pertuduhan dibawah s. 420 Kanun Keseksaan yang sudah wujud sebelum perjanjian tersebut.

(v) Saya berpuas hati wujudnya overwhelming evidence ke atas elemen-elemen pertuduhan dibawah s. 420 sebagaimana yang diperuntukkan oleh Tuan Majistret sebelum P3 ditandatangani.

(vi) Berasaskan alasan-alasan diatas, saya mendapati petisyen rayuan butiran (iii), (iv), (v) dan (vi) petisyen rayuan adalah tidak bermerit.

[54] Saya mendapati wujudnya overwhelming evidence yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan untuk mengaitkan perayu dengan pertuduhan di bawah s. 420 Kanun Keseksaan. Oleh itu, saya mendapati sabitan adalah selamat. Dengan ini, rayuan perayu ke atas sabitan dan hukuman ditolak. Keputusan Tuan Majistret yang menjatuhkan hukuman penjara selama tiga tahun dan tiga sebatan keatas perayu dengan ini dikekalkan.